

Headline	Berinteraksi dengan guru pakar		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	28 May 2014	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	314,000
Page No	15	Readership	942,000
Language	Malay	ArticleSize	580 cm ²
Journalist	Rosdi Ismail	AdValue	RM 19,993
Frequency	Daily	PR Value	RM 59,979



Berinteraksi dengan guru pakar

» Seminar Bimbingan Peperiksaan Kelab TaHa, BH berpeluang baiki kelemahan diri



Oleh Rosdi Ismail
rosdi@mediaprima.com.my

► Kuala Terengganu

Seminar Bimbingan Peperiksaan anjuran Kelab TaHa Tabung Haji dengan kerjasama Unit Pendidikan BH didapati berkesan dalam mengubah sikap dan menyuntik semangat murid untuk terus gigih berusaha bagi mengecapi kejayaan.

Pengarah Tabung Haji (TH) Terengganu, Mohammad Mokhzani Mukhtar, berkata program yang membabitkan murid dan pelajar yang akan menduduki peperiksaan Ujian Pencapaian Sekolah

“Pendedahan seperti ini amat penting untuk diteliti bagi mengelak kesalahan berulang dalam peperiksaan sebenar nanti”

Mohammad Mokhzani Mukhtar, Pengarah TH Terengganu



Mokhzani bersama calon UPSR melihat modul kertas kerja yang digunakan dalam Seminar Bimbingan Peperiksaan UPSR anjuran Kelab TaHa.

Rendah (UPSR), Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3), banyak membantu calon dalam memperbaiki ke-

mahan diri.

Beliau berkata, program yang memberi peluang kepada setiap calon untuk berbincang secara terus dengan guru pakar itu satu keistimewaan untuk lebih memahami topik dipelajari di dalam kelas.

“Pendedahan seperti ini amat penting untuk diteliti bagi mengelak murid melakukan kesalahan berulang dalam peperiksaan sebenar nanti yang sudah pasti akan menjejaskan pemarkahan yang akan diperolehi.”

“Jika masih melakukan kesalahan yang sama, ini diibaratkan sebagai ‘denda’ kepada mereka kerana akan gagal mendapat markah yang baik, sekali gus menjejaskan keputusan dalam UPSR nanti,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Seminar Bimbingan Peperiksaan UPSR anjuran Kelab TaHa Tabung Haji dan Unit Pendidikan BH peringkat Kuala Berang, di Dewan Pejabat Jabatan Kerja Raya (JKR), Kuala Berang, Hulu Terengganu, di sini, baru-baru ini.

Input terkini

Pengurus TH Kuala Berang, Mohd Sukri Abdul Rahman turut hadir. Seminar sehari itu menumpukan perbincangan kepada tiga subjek iaitu Bahasa Melayu, Sains dan Matematik.

Seramai 260 murid calon UPSR dari empat sekolah kebangsaan (SK) sekitar daerah Kuala Berang iaitu SK

Telaga, SK Tengku Ampuan Intan, SK Kuala Berang dan SK Seri Berang menyertai program itu.

Mohammad Mokhzani berkata, seminar itu mendedahkan calon pelbagai tip menjawab soalan yang betul dan tepat, selain diberikan input terkini mengenai peperiksaan yang akan diduduki.

Beliau berkata, bagi calon UPSR, mereka hendaklah terus berusaha gigih mencapai kejayaan sebagai memulakan langkah untuk terus menjadi terbaik dan cemerlang bagi meneruskan pengajian ke peringkat lebih tinggi.

“Calon UPSR seharusnya berusaha gigih tanpa jemu dan jangan sekali-kali mudah berputus asa jika melakukan sebarang kesilapan kerana mereka masih ada masa untuk memperbaiki kelemahan diri. Yang paling penting jangan tergojoh-gajoh apabila menjawab soalan sebenar peperiksaan,” katanya.



Calon UPSR sekitar daerah Kuala Berang tekun mengikuti perbincangan bersama dengan guru pakar dalam Seminar Bimbingan Peperiksaan UPSR.